



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

阿米占:针对LPG新规定 料12月呈内阁审核

国内贸易及生活成本部长拿督阿米占表示，有关商贩使用补贴液化石油气（LPG）的相关新规定，预计在 12 月提呈到内阁进行审核。

他说，政府意识到补贴液化石油气对于小商贩而言，是个重要的营运元素，因此，内阁在今年 6 月 5 日的会议中，同意就《2021 年供应管制（修正）条例》进行修订。

他表示，目前部门正与分销商、小商公会及相关机构，共同完成这项研究报告。他指出，当局将在本月将所收集到的意见进行整合，并在 12 月提呈到给个进行讨论。

他强调，在修正案有定论前，小型餐饮业者仍可继续使用补贴液化石油气。

阿米占是在周三透过国会书面，答复伊斯兰党龙运国会议员旺哈山的提问时，如是指出。#

研究允微企用液化石油氣 結果下月呈內閣審議

（吉隆坡13日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占指出，有关微型和小型业者使用液化石油气的研究结果，将于下个月提交给内阁审议。

他说，内阁于今年6月5日同意接纳内贸部建议，修订2021年供应管制（修正）条例，而在有关修订工作敲定前，微型和小型餐饮业者可继续使用补贴液化石油气。

“内贸部就此已举办多次谘询会议，确保收集的数据涵盖全国所有行业，

包括协调各方对1961年供应管制法令相关规定的理解及提升遵守度，并为政府与业界之间的战略合作开辟空间。”

阿米占昨日在国会下议院，如是以书面方式回复伊斯兰党龙运区国会议员旺哈山的提问。

他提到，有关谘询会议的参与者包括餐饮业者、洗衣协会和餐厅协会，如大马印裔餐厅业者协会（PRIMAS）、大马穆斯林餐厅业者协会（PRESMA）、大马洗衣公

会（MLA）、马来联合洗衣公会（MULA）及多家连锁洗衣公司。

他说，该部也于今年8月5日，与财政部、房屋及地方政府部和消拯局等相关机构举行了特别会议。

“关于修订进展，目前内贸部正与液化石油气分销商、小型商业协会及相关机构进行全面研究，以鉴定依据地区及商业类别的合理库存水平。

“这些考量还包括储存容量、消防安全标准及配送设施，以确保库存不会危及公共安全。

“所有研究结果将于今年11月汇整，以徵询各部门及机构的意见，而最终报告将于今年12月呈交给内阁审议。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Tekad luar biasa berjaya perang kartel 'sebesar kontena'

Anwar hargai usaha agensi penguatkuasaan selamatkan lebih RM15.5b dalam tempoh 2 tahun

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Bangi: Tekad Kerajaan MADANI memerangi kartel dan penyeludupan adalah langkah luar biasa yang dilaksanakan bagi melindungi bangsa dan negara ini hingga berhasil menyelamatkan lebih RM15.5 bilion dalam tempoh dua tahun ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri mengungkapkan, isu kartel dan penyeludupan di negara ini bukan sehalus jarum, sebaliknya sudah sebesar kontena kerana berlaku sejak puluhan tahun, namun tidak dibendung kerana tiada upaya serta tekad politik.


Anwar yang juga Menteri Kewangan, merakamkan penghargaan kepada agensi penguat kuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas sokongan menjayakan tekad kerajaan memerangi kartel itu.

"(Tekad ini bawa) risiko besar kepada SPRM, LHDN PDRM. Semuanya membawa risiko besar kerana isu kartel bukan sehalus jarum, tetapi mereka (kartel sudah) sebesar kontena, tetapi kita sentiasa bertawakal kepada Allah SWT.

"Langkah yang diambil itu langkah luar biasa. Bayangkan berpuluh tahun terbiar dan puluhan bilion ringgit hilang, ukurannya (tekad ini) pada pelaksanaannya dan usaha menyelamatkan bangsa dan negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen Pengajian Islam Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Antarabangsa 2025 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Konvensyen anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama UKM dan pelbagai institusi pendidikan tinggi bermatlamat memper-



kukuh hala tuju pengajian Islam berteraskan ilmu, amal dan akhlak dalam menghadapi cabaran era digital dan kecerdasan buatan (AI).

Kejayaan tumpas kartel

Justeru itu, Anwar menyelar tindakan segelintir individu yang membisu terhadap kejayaan agensi penguat kuasa menumpaskan kartel dan penyeludupan di negara ini.

"Kalau dengar perbincangan di Parlimen tiada yang bersuara. Boleh dikatakan beberapa Ahli Parlimen penyokong kerajaan, tetapi sebelah sana langsung tiada.

"Saya kata terima kasih SPRM dan polis yang menjalankan tugas menyelamatkan negara kita. Penyeludupan saya sebut di Parlimen, kontena masuk keluar di pelabuhan puluhan tahun dengan seludup masuk dan keluar barang," katanya.

Ketika bercakap di Parlimen baru-baru ini, Anwar memperincikan nilai rampasan dan penalti terkini diperoleh agensi penguatkuasaan terbabit.

"SPRM mengumpul jumlah nilai lucut berjumlah lebih RM8 bilion, ia balik kepada kerajaan dan dimasukkan ke tabung Kementerian Kewangan, ini tak termasuk harta milik, itu ambil masa untuk (proses) lelong dan sebagainya.

"Tahniah juga kepada PDRM kerana peroleh nilai rampasan hasil penyitaan hampir RM4 bilion, Kastam Diraja Malaysia pula berjaya menumpaskan sindiket haram dan penyeludupan dengan nilai rampasan RM2.5 bilion.

"KPDN bersama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pula melakukan kutipan penalti RM1 bilion," katanya.

Sementara itu, Anwar menegaskan, Malaysia kekal bebas, merdeka dan berdaulat, tidak pernah tunduk kepada mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat, serta bebas menentukan dasar luar sendiri.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada kritikan terhadap perjanjian dagang dengan Amerika Syarikat, termasuk eksport RM200 bilion produk Elektrik & Elektronik (E&E) dan Semikonduktor, Malaysia menilai setiap dasar mengikut undang-undang dan kepentingan nasional.

"Malaysia ada perjanjian yang memberi keutamaan kepada Amerika, tetapi tidak ada mana-mana peruntukan yang menghalang kita membuat keputusan berdasarkan kepentingan keselamatan negara.

"Kalau benar kita tunduk kepada Amerika, kenapa pada Ahad (Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 bulan lalu) saya menandatangani perjanjian dengan Presiden (Donald) Trump dan Isnin dengan China? (Ini kerana) Malaysia ada dasar sendiri mengutamakan kepentingan rakyat," katanya.

Anwar berkata, beliau akan menghadiri Persidangan G20 di Afrika Selatan pada minggu depan, walaupun Amerika Syarikat memboikot untuk hadir, juga bukti Malaysia bebas menentukan agenda diplomatik sendiri.

Dalam pada itu, Anwar menggesa pelajar di Fakulti Pendidikan Islam menggunakan teknologi baharu, termasuk AI sebagai usaha baharu memperkasakan syiar Islam.

"Sebaiknya mereka (pelajar) harus ada juga satu bidang khusus, (sekarang) kita ada multidisiplin ini termasuk soal teknologi komputer AI," katanya.

Bersatu hati banteras amalan 'syaitan'



ANALISIS
MUKA 12

HAFEZDZULLAH
MOHD HASSAN

Kerugian kewangan akibat rasuah dan ketirisan hasil negara adalah isu getir yang menjejaskan sistem dan hala tuju pentadbiran Malaysia.

Ia telah berlarutan sejak sekian lama sehingga menyebabkan negara kita kehilangan dana awam dalam jumlah yang amat banyak.

Dapatan kajian Emir Research pada tahun 2023 mendedahkan negara kerugian kira-kira RM4.5 trilion dalam tempoh 26 tahun.

Jika dibahagikan sama rata, jumlahnya mencecah RM173 bilion setahun, hampir sama dengan wang diperuntukkan untuk Belanjawan 2008 iaitu RM176.9 bilion.

Jumlah tersebut jelas menunjukkan Malaysia berdepan masalah ketirisan yang kronik sehingga mengganggu pembangunan negara.

Bagaimanapun, pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu Sesi Soal Jawab Perdana Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini dilihat melegakan ramai apabila kerajaan di bawah pimpinannya berjaya memulihkan ketirisan sebanyak RM15.5 bilion dalam tempoh dua tahun, kira-kira RM7.75 bilion setahun.

Katanya, kejayaan tersebut dicapai susulan penguatkuasaan tegas dan tindakan berani beberapa agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Menurutnya, usaha agensi berkenaan membanteras rasuah, ketirisan dan penyeludupan berjaya merampas wang tunai, harta, saham, tanah serta gedung yang diseleweng.

Dalam tempoh dua tahun beliau berkata, SPRM berjaya melucut hak bernilai RM8 bilion manakala PDRM menyita hampir RM4 bilion.

Sementara itu Anwar berkata, JKDM pula menumpaskan sindiket haram dan penyeludupan bernilai RM2.5 bilion.

KPDN dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia juga tidak ketinggalan memainkan peranan mengutip penalti berjumlah RM1 bilion.

Walaupun RM15.5 bilion itu tidak sebanyak jumlah ketirisan dalam tempoh 26 tahun yang dilaporkan namun ia berjaya menyelamatkan hasil negara daripada jatuh ke tangan 'syaitan' iaitu orang jahat dan pihak tidak bertanggungjawab.

Bantu kerajaan

Sekurang-kurangnya jumlah tersebut dapat membantu kerajaan menyelesaikan banyak isu berkaitan pendidikan, kesihatan, pertahanan dan kemiskinan yang sering disuarakan oleh banyak pihak.

Dengan wang sebanyak itu, kerajaan boleh melakukan baik pulih sebanyak 516 buah sekolah sekiranya satu unit memakan belanja RM30 juta.

Malah, dengan wang sebanyak itu juga kerajaan boleh membina 31 buah hospital pada harga RM500 juta seunit.

Paling penting, wang sebanyak RM15.5 bilion itu juga dapat menyelesaikan masalah kemiskinan di negara kita melibatkan 306,403 ketua isi rumah miskin.

Bagaimanapun, kegagalan dan kecuaiannya menjalankan tugas dalam mentadbir negara oleh sesetengah pemimpin dan pegawai agensi berkaitan menyebabkan negara rugi.

Jumlahnya mungkin akan berganda setiap tahun sekiranya tiada keberanian dan ketegasan pihak berkuasa atau pemimpin negara untuk menguatkuasakan undang-undang.

Namun wang yang hilang itu boleh dipulihkan dan mungkin jumlahnya lebih RM15.5 bilion sekiranya semua orang memainkan peranan.

Caranya mudah iaitu jauhi rasuah dan salah guna kuasa serta jangan sesekali bersekongkol dengan 'syaitan' yang asyik menjarah hasil mahsul negara.

Usaha tersebut mungkin nampak kecil namun ia mampu memulihkan ketirisan hasil negara sekiranya semua rakyat bersatu hati membanteras amalan mereka itu.

Justeru, jangan sesekali benarkan walaupun satu sen pun jatuh ke tangan 'syaitan' kerana ia boleh mengundang bala.

Disebabkan amalan mereka, negara kita gagal berkembang pesat dan terjebak dalam kelembapan ekonomi yang akhirnya menjerat rakyat.

Tidak mustahil amalan menjarah hasil negara itu juga boleh menyebabkan negara kita bankrap sebagaimana yang pernah dilalui oleh Sri Lanka, Greece, Venezuela dan Argentina.

** Hafezdzullah Mohd Hassan ialah Sub Editor Sinar Harian*



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 14 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
14-Nov	Politeknik Mukah Terima Sumbangan Food Bank Siswa	https://suarasarawak.my/politeknik-mukah-terima-sumbangan-food-bank-siswa/	SUARA SARAWAK
14-Nov	KPDN bongkar sindiket seleweng minyak masak paket 1 kilogram dijual semula	https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2025/11/1470711/kpdn-bongkar-sindiket-seleweng-minyak-masak-pek-1-kilogram-dijual	BERITA HARIAN
14-Nov	KPDN bongkar sindiket jual semula minyak masak subsidi dalam botol	https://malaysiagazette.com/2025/11/12/kpdn-bongkar-sindiket-jual-semula-minyak-masak-subsidi-dalam-botol/	MALAYSIA GAZETTE
14-Nov	42 Detained In Ampang Raid On Counterfeit Lubricants	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php/news.php?id=2490063	BERNAMA
14-Nov	Cubaan seleweng tong gas LPG di ladang kelapa sawit gagal	https://www.buletintv3.my/nasional/cubaan-seleweng-tong-gas-lpg-di-ladang-kelapa-sawit-gagal/	TV3
14-Nov	Cubaan seleweng tong gas LPG di ladang kelapa sawit gagal	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2025/11/1471438/cubaan-seleweng-tong-gas-lpg-di-ladang-kelapa-sawit-gagal	BERITA HARIAN